

## UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI PAMIRAN SENIUKIR KAYU TRADISIONAL DI MUZIUM NEGARA, KUALA LUMPUR PADA 31<sup>HB</sup> JULAI, 1974

Ketua Pengarah Muzium, Encik Shahrum Yub, Y.B. Dato' Ali Haji Ahmad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Saudara-saudara sekalian.

Saya sukacita kerana dapat bersama-sama di sini petang ini pada upacara pembukaan pameran yang betul-betul istimewa ini. Sesungguhnya inilah pertama kali Pameran Seni Ukiran Kayu Tradisional diadakan dan saya suka menyatakan penghargaan serta terimakasih kepada Encik Shahrum, Ketua Pengarah Muzium dan Jawatankuasa Pameran ini atas inisiatif dan usaha mereka mengatitkan Pameran yang istimewa serta bermakna ini.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang kita maklum, seni ukiran kayu merupakan salah satu manifestasi aktiviti kesenian masyarakat yang diwarisi dari zaman berzaman. Bahkan aktiviti ini boleh dijadikan ukuran taraf tamadun masyarakat dan daya kreatif anggota-anggota masyarakat itu yang dibuktikan dengan berbagai hasil kesenian samada ukiran atau lain-lain daripada kayu, perak, tembaga, tanah liat, gading dan tanduk. Hasil daya kreatif ini lazimnya dijadikan hiasan di rumah-rumah, masjid-masjid dan juga istana raja-raja tetapi banyak pula yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari seperti yang terdapat pada perahu payang Trengganu, labu tanah, ulu golok dan juga barang-barang hiasan wanita.

Menurut sejarah, sehingga suku akhir kurun kesembilan belas jaitu sebelum pengaruh kebudayaan Eropah meresap ke dalam kehidupan masyarakat kita, golongan atasan termasuk orang-orang yang berada membuat istana, masjid dan rumah daripada kayu yang dihiasi dengan ukiran-ukiran yang amat halus perbuatannya. Pengukir-pengukir yang pandai serta mempunyai daya kreatif yang tinggi sentiasa dicari orang untuk mengukir pemedang, ukiran papan dinding, jerejak jendela, kepala tangga dan lain-lain bahagian rumah. Kalau masa ini kita menghiasi rumah dengan gambar, seni lukisan dan sculpture, orang-orang di masa dulu

berbangga dengan ukiran-ukiran yang terdapat pada bahagian-bahagian rumah mereka sebagai menandakan penghargaan kepada daya kreatif manusia.

Antara beberapa bangunan lama yang masih kekal dengan unsur-unsur keindahannya hari ini ialah Istana Tengku Sri Akar di Kota Baharu, Istana Tengku Nik di Kuala Trengganu, Istana Kuala Kangsar dan Istana Sri Menanti. Begitu juga kita semua tahu tentang Masjid Kampung Laut dekat Kota Baharu yang terkenal lebih 250 tahun lamanya dan sekarang dipindahkan ke tapak yang baru di Nilam Puri selepas dilanda banjir tahun 1967 dulu. Istana Satu Kuala Trengganu didirikan semula di belakang bangunan Muzium ini. Saya sukacita adanya perhatian berat di kalangan orang-orang kita dan pertubuhan seperti Persatuan Akitik Malaysia memelihara dan mengekalkan bangunan-bangunan lama yang mempunyai unsur-unsur seni dan sejarah serta identity tersendiri.

Saya suka juga, selain daripada usaha yang saya katakan tadi, patutlah kita berusaha dari sekarang mengumpulkan unsur-unsur seni ukiran yang masih terdapat samada berbentuk hulu keris dan tumbuk lada; alat-alat pertanian seperti tuai dan kuku kambing; alat-alat dapur seperti hulu senduk dan kukur nyior; seterusnya ukiran-ukiran lain seperti bangau, okok, caping dan sangga yang terdapat pada perahu nelayan kita. Semua ini adalah bukti kepandaian dan kehalusan seni pengukir-pengukir kayu tradisional kita yang dapat dipertahankan mutunya dengan negara-negara lain.

Saudara-saudara sekalian.

Saya harap dengan mengadakan Pamiran Seni Ukiran Kayu Tradisional ini, akan hidup semula dengan suburnya minat orang-orang kita terhadap seni ukiran. Kita dapati pada masa ini perhatian terlalu diberatkan kepada graphic art seperti yang terdapat dalam pamiran-pamiran Maktab Ilmu Perguruan Khas dan Institiut Teknologi MARA baru-baru ini. Meskipun modern graphic art dan design sesuai dengan selera muda mudi zaman ini, saya rasa ada baiknya kalau perhatian yang sama diberikan kepada ukiran tradisional. Barangkali pengukir-pengukir yang masih ada di Kelantan seperti Encik Mat Abu Bakar boleh diundang sebagai "Resident Artist" untuk sesuatu tempoh agar

dapat memindahkan kemahirannya itu kepada pelajar-pelajar yang berminat di bidang ini.

Hari inipun nyata terdapat minat yang semakin meluas terhadap benda-benda yang berunsur tradisional. Hotel-hotel taraf antarabangsa di Ibu Negara ini sudahpun mula menggunakan kelarai sebagai ceiling dan menghiasi "coffee house"-nya dengan barang-barang yang mempunyai identity traditional Malaysia—jala, pukut, hingga perahu payang menjadi hiasan. Saya suka minat ini dipupuk dan disuburkan, dan dalam hubungan ini saya harap jurubina dan interior decorators menasihatkan pengusaha-pengusaha hotel supaya bersama-sama mempopularkan ukiran dan benda-benda tradisional untuk kegunaan atau hiasan di bilik-bilik, ruang rihat dan dewan persidangan. Dengan cara ini tetamu luar negeri akan dapat melihat unsur-unsur kesenian kita yang kurang mendapat perhatian selama ini.

Saya suka menyeru kepada orang-orang kita yang mempunyai rumah-rumah tradisional supaya mendermakan bangunan-bangunan itu kepada Muzium Negara untuk dipelihara atau dibina semula kalau perlu. Kalau bangunan-bangunan tradisional ini tidak diberi perhatian segera, saya bimbang unsur-unsur seni itu akan reput dan hilang dimakan zaman. Saya difahamkan Muzium Negara merancang projek Muzium Terbuka yang akan berusaha memperolehi dan mendirikan semula bangunan tradisional yang mempunyai unsur-unsur seni dari setiap negeri di Malaysia ini dalam kawasan yang dikhaskan di belakang Muzium Negara ini. Istana Satu Kuala Trengganu sudahpun selesai didirikan.

Berhubung dengan usaha ini juga, kita sama-sama berterimakasih kepada Yang Amat Mulia Tengku Ariff Bendahara Pahang kerana sudi menghadihkan sebuah wakaf Trengganu yang telahpun dibina di sudut kanan bangunan Muzium Negara ini sebagai mengingati ayahandanya Almarhum Sultan Abu Bakar. Saya harap usaha yang baik ini akan menjadi tauladan kepada para dermawan yang lain.

Seperkara lagi yang ingin saya sebutkan ialah langkah kita mengkaji undang-undang mengawal barang-barang purba supaya tidak dibawa keluar oleh pelawat-pelawat ataupun diperdagangkan oleh orang-orang kita sendiri. Kalau langkah ini tidak dibuat segera, warisan seni kita mungkin akan hilang ghaib begitu sahaja.

Saudara-saudara sekalian.

Saya sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada semua yang berkenaan atas usaha yang baik ini dan dengan itu merasmikan Pamiran Seniukiran Kayu Tradisional ini.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein merasmikan Seminar Intelek Islam di Dewan Al-Malik Faisal, Universiti Kebangsaan pada 2hb Ogos, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)